KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **29 JULAI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 15

# KPDN Johor sita 1,635 tan minyak masak diseleweng

## Syarikat simpan stok melebihi had kuantiti diluluskan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menyita 1.635 juta kilogram atau 1,635.3 tan pelbagai jenis minyak masak di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai, Rabu lalu.


Lilis Saslinda Pornomo

Ia susulan syarikat pembungkusan minyak masak itu disyaki menyeleweng serta memanipulasi barang kawalan berkenaan hasil pengauditan dokumen serta stok minyak masak di premis tersebut.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo, berkata sitaan dibuat susulan pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak di premis itu melebihi had kuantiti simpanan minyak masak yang diluluskan di bawah Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Borong.

Katanya, perkara itu terbongkar susulan pengauditan dilakukan sepasukan Pegawai Penguat Kuasa dari Ibu Pejabat KPDN Putrajaya ke atas dokumentasi urus niaga penjualan minyak masak syarikat berkenaan.

"KPDN Johor membuat pemeriksaan di sebuah syarikat membungkus minyak masak di sekitar Kulai, jam 8.15 malam bagi mendapatkan maklumat serta mengemukakan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

"Hasil pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak yang berada di alamat perniagaan berkenaan melebihi daripada had kuantiti simpanan diluluskan di bawah Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Borong.

"Oleh itu, KPDN mengambil langkah menyita 1,635.3 tan metrik pelbagai jenis minyak masak dengan nilai mencecah RM8.47 juta, selain merampas beberapa dokumen perniagaan untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.


Sebanyak 1,635.3 tan minyak masak disyaki diseleweng hasil audit stok di sebuah syarikat di Kulai, Rabu lalu. (Foto Ihsan KPDN)

### Berdepan denda RM1 juta

Lilis Saslinda berkata, kes berkenaan akan disiasat menerusi Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan pelanggaran Peraturan 9(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

"Jika disabit kesalahan, denda sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi pertubuhan atau perbadanan, denda maksimum RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.

Lilis Saslinda berkata, KPDN Johor menegaskan akan bertindak dengan cekap dan pantas serta tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan demi kepentingan rakyat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 15

# Gerakan massa atasi isu ketirisan barang kawalan

**Kinabatangan:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa untuk membabitkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi khususnya diesel dan RON95 di Sabah dan Sarawak.

Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata gerakan itu bagi membantu penguatkuasaan dalam memerangi ketirisan subsidi melalui pemantauan dan penyaluran maklumat.

Beliau berkata, gerakan itu susulan keputusan Kerajaan Persekutuan melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung dengan pengecualian Sabah, Sarawak dan Labuan pada masa ini dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi bukan sahaja satu kesalahan di sisi undang-undang, malah penafian hak subsidi untuk rakyat.

"Perbuatan memperdagangkan bantuan subsidi secara haram dan bertentangan dengan undang-undang merupakan sabotaj ekonomi negara dan agenda kerajaan dalam penyaluran bantuan sosial kepada golongan memerlukan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, beliau berkata, orang ramai perlu terus menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menyalurkan maklumat berhubung sebarang bentuk penyelewengan serta penyeludupan supaya aktiviti merugikan negara dan rakyat itu dapat dibanteras.

Sementara itu, Armizan berkata kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada penyaluran subsidi pukal diesel di peringkat runcit bagi Sabah, Sarawak dan Labuan bagi tahun ini membabitkan subsidi mencecah RM3.6 bilion.

Beliau berkata, antara faktor pengecualian itu ialah kebergantungan tinggi pengguna, khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel disebabkan faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air.

Selain itu, pertimbangan risiko kesan rantaian mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung serta tahap kesediaan dan akses maklumat pengguna bahan api diesel untuk pemprofilan penyasaran subsidi diesel bagi pengguna individu, agrikomoditi dan sektor pengangkutan awam dan barangan. BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 4

# KPDN rangka gerakan perangi seleweng RON95

**KINABATANGAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa bagi melibatkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi di Sabah dan Sarawak.

Keutamaan gerakan massa berkenaan akan diberikan kepada barang kawalan bersubsidi bahan api diesel dan RON95.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, selain memastikan subsidi terbabit dimanfaatkan oleh rakyat khususnya golongan sasar, gerakan sama juga dilaksanakan susulan daripada keputusan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung Malaysia.

"Keputusan pengecualian Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam penyasaran subsidi diesel pada masa ini dibuat dengan mengambil kira pelbagai faktor.

"Antara faktor utama pengecualian dibuat pada masa ini ialah kebergantungan tinggi para pengguna khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel," katanya ketika menghadiri Majlis Perasmian Stesen Petronas Bukit Garam di sini semalam.

Tambah Armizan, pengecualian penyasaran subsidi itu berikutan keperluan yang mengambil kira faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air.

"Selain itu, pengecualian adalah melibatkan pertimbangan risiko kesan rantaian yang mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang sememangnya lebih tinggi berbanding di Semenanjung," ujarnya.



ARMIZAN beramah mesra dengan penjual makanan di majlis perasmian Stesen Petronas Bukit Garam, Kinabatangan semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 18

# Minyak masak RM8.47 juta dirampas

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menyita 1,635.3 tan metrik pelbagai jenis minyak masak dengan nilai mencecah RM8.47 juta di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai pada Rabu lalu.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan sitaan dibuat selepas syarikat itu disyaki menyeleweng dan memanipulasi barang kawalan tersebut hasil pengauditan dokumen serta stok minyak masak di premis terbabit.

"Kegiatan ini terbongkar susulan pengauditan yang dilakukan penguat kuasa dari Ibu Pejabat KPDN Putrajaya ke atas dokumentasi urus niaga penjualan minyak masak syarikat terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak yang berada di alamat perniagaan berkenaan melebihi daripada had kuantiti simpanan minyak masak yang diluluskan," katanya kepada pemberita semalam.

Tambahnya, kes itu disiasat menerusi Akta Kawalan Bekalan 1961 dan pelanggaran Peraturan 9(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.



SEBAHAGIAN daripada minyak masak pelbagai jenis yang diperiksa di sebuah premis pembungkusan minyak masak di Kulai baru-baru ini.

Harian Metro

HARI: ISNIN

TARIKH: 29/7/2024

M/SURAT: 21

# KPDN sita 1.635 juta kilogram minyak masak

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menyita 1.635 juta kilogram atau 1,635.3 tan metrik pelbagai jenis minyak masak di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai, Rabu lalu.

Ia susulan syarikat pembungkusan minyak masak itu disyaki menyeleweng serta memanipulasi barang kawalan hasil pengauditan dokumen serta stok minyak masak di premis berkenaan.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, sitaan dibuat susulan pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak di premis itu melebihi had kuantiti simpanan minyak masak yang diluluskan di bawah Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Borong.

Katanya, perkara itu terbongkar susulan pengauditan dilakukan sepasukan Pegawai Penguat Kuasa dari Ibu Pejabat KPDN Putrajaya ke atas dokumentasi urus niaga penjualan minyak masak syarikat berkenaan.

"KPDN Johor membuat pemeriksaan di sebuah syarikat membungkus minyak masak di sekitar Kulai, jam 8.15 malam bagi mendapatkan maklumat serta mengemukakan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

"Hasil pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak yang berada di alamat perniagaan berkenaan melebihi had kuantiti simpanan minyak masak diluluskan di bawah Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Borong.

**RM8.47j**

Nilai sitaan pelbagai jenis minyak masak

"Oleh itu, KPDN menyita 1,635.3 tan metrik pelbagai jenis minyak masak dengan nilai mencecah RM8.47 juta selain merampas beberapa dokumen perniagaan untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lilis Saslinda berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan pelanggaran Peraturan 9(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

"Jika disabit kesalahan, denda sehingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi pertubuhan atau perbadanan, denda maksimum RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.

Beliau berkata, KPDN Johor menegaskan bertindak cekap dan pantas serta tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan demi kepentingan rakyat.



PELBAGAI jenis minyak masak yang disita di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 28

# KPDN Johor rampas minyak masak bernilai RM8.47 juta

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor merampas minyak masak dianggarkan bernilai RM8.47 juta dari sebuah syarikat membungkus minyak masak di sekitar Kulai pada Rabu lalu.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, dalam pemeriksaan jam 8.15 malam itu, premis berkenaan didapati menyimpan barang kawalan melebihi kuantiti ditetapkan.

Jelas beliau, pemeriksaan dibuat susulan pengauditan dilakukan pegawai penguat kuasa Ibu Pejabat KPDN Putrajaya terhadap dokumentasi urus niaga berkaitan minyak masak oleh syarikat terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak di premis ini melebihi had kuantiti simpanan minyak masak diluluskan mengikut Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Borong," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut Lilis, tindakan diambil pihaknya dengan menyita 1,635 tan metrik minyak masak pelbagai jenis dan beberapa dokumen perniagaan untuk siasatan lanjut.

FOTO: KDPN JOHOR



Anggota KPDN Johor memeriksa bekalan di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 5

# Cooking oil worth more than RM8mil seized in Johor

JOHOR BARU: More than 1,600 metric tonnes of cooking oil, valued at more than RM8mil, were seized from a cooking oil packaging company in Kulai.

The seizure was carried out by the state Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), said its Johor director Lilis Saslinda Pornomo.

She said a team of officers carried out an inspection at the company premises at 8.15pm on Wednesday.

"The inspection was made following auditing carried out by the Putrajaya KPDN enforcement officers on the documentation of the company's cooking oil sales transaction," she said in a statement here yesterday.

Lilis Saslinda said during the inspection, officers found that the quantity of cooking oil at the business address had exceeded the limit for the storage quantity of cooking oil approved under the wholesale scheduled controlled goods licence.

Based on this finding, the officers seized 1,635 metric tonnes of various types of cooking oil. Business documents were also taken away for investigation.

"The total amount of the seized cooking oil is estimated to be up to RM8.4mil," said Lilis Saslinda.

The case is being investigated under the Supply Control Act 1961 and Regulation 9(1) of the Supply Control Regulations 1974.

If found guilty, offenders can be fined up to RM1mil or three years imprisonment for the first offence. Repeat offenders can be fined up to RM3mil, or jailed for five years, or both.

For organisations or corporations, the fine does not exceed RM2mil for the first offence and RM5mil for the second and subsequent offences.

She said the public can file complaints through WhatsApp at 019-848 8000 or 019-279 4317, the KPDN e-Aduan portal at eaduan@kpdn.gov.my, contacting its call centre at 1-800-886-800 or by using the Ez ADU KPDN smartphone app.



**Does not tally:** A Johor KPDN enforcement officer carrying out an inspection at the cooking oil packaging company in Kulai.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 11

# Plan for public action against subsidy misuse

**KOTA KINABALU:** There is a plan to introduce a public movement to curb misappropriation of controlled subsidised goods in Sabah and Sarawak.

Domestic Trade and Costs of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Ali said this movement involving the public was in the planning stage and the focus would first be given to Sabah and Sarawak, especially for controlled subsidised diesel and RON95 fuel.

In a statement yesterday, Armizan said the movement would try to rope in as many members of the public as possible for monitoring and reporting purposes, to use gas stations as among the operations centre and to engage oil and gas companies as strategic partners.

"This initiative by the ministry aims to, among others, ensure that subsidised goods reach the targeted groups," he said.

> "This initiative by the ministry aims to, among others, ensure that subsidised goods reach the targeted groups."
> Datuk Armizan Ali

Armizan said this movement was being introduced following the Federal Government's decision to implement the targeted subsidy for users in Peninsular Malaysia and to exempt Labuan, Sabah and Sarawak from it for now.

"The exemption takes into account factors such as higher dependency on diesel among Sabah and Sarawak users due to geographical reasons as well as the chain effects for these three places in terms of cost of goods and services, which is already higher compared to the peninsula," he added.

He said the level of preparedness and access to the customer base in Sabah, Sarawak and Labuan for profiling the targeted subsidies were also important aspects to consider.

Armizan said the planned mass movement was expected to help enforcement departments fight any form of leakages via monitoring and dissemination of information.

Apart from being illegal, he said misusing the subsidies and selling to non-targeted groups was a violation of the people's rights and a sabotage of the state economy.

He said instructions had also been issued to various enforcement agencies such as the KPDN, Customs Department, police, Road Transport Department and Malaysia Checkpoints and Border Agency to strengthen strategies and tighten enforcement.

The public is encouraged to share information on any suspicious activities via the KPDN's WhatsApp number (019-848 8000); http://eaduan.kpdn.gov.my; Call Centre (1-800-886-800) and the EzADU KPDN phone application.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 1

# Getting the public involved



KINABATANGAN: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is activating a mass movement involving the public to combat the misappropriation of subsidised controlled goods in Sabah and Sarawak, especially diesel and RON95, to ensure that the targeted groups can enjoy the initiative.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali (**pic**) said in a statement that the movement was the result of the federal government's decision to implement targeted diesel subsidy for consumers across Peninsular Malaysia, with exceptions for Sabah, Sarawak, and Labuan.

"This mass movement aims to bolster enforcement efforts in plugging the leakage of subsidies through monitoring and information dissemination. The misappropriation and smuggling of controlled goods are not only legal offences but also deny the people from enjoying their subsidy rights," he said.

He said trading controlled goods is not only against the law but also sabotages the country's economy and undermines the government's efforts in distributing social assistance to those in need.

Meanwhile, Armizan said the exemption of Sabah, Sarawak, and Labuan in the implementation of the targeted subsidy involves an estimated subsidy amount of RM3.6 million for this year.

According to him, the key factor behind the federal government's decision to continue the subsidy in Sabah, Sarawak, and Labuan is the high dependency of its consumers on diesel-powered vehicles.

It is also due to the considerations of the potential ripple effects where the prices of goods and services are higher compared to those in Peninsular Malaysia, as well as the level of readiness and access to information among diesel users to implement subsidy profiling, he said.

"(However) the government does not deny that the issue of leakage caused by misappropriation and smuggling of diesel is also happening in Sabah, Sarawak and Labuan," he added.

Armizan said the government had directed all relevant agencies, including KPDN, Royal Malaysian Customs Department, Royal Malaysia Police, Road Transport Department, and border control agencies, to strengthen their enforcement strategies and approaches.

He also urged all parties, including the public, to report activities involving misappropriation and smuggling of subsidised controlled goods by lodging detailed and accurate complaints with the ministry. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 1

# KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, S'wak

KINABATANGAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa untuk melibatkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi khususnya diesel dan RON95 di Sabah dan Sarawak.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata gerakan itu bagi membantu penguatkuasaan dalam memerangi ketirisan subsidi melalui pemantauan dan penyaluran maklumat.

Beliau berkata gerakan itu dilaksanakan susulan keputusan Kerajaan Persekutuan melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung Malaysia dengan pengecualian Sabah, Sarawak dan Labuan pada masa ini dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi bukan sahaja satu kesalahan di sisi undang-undang, malah penafian hak subsidi rakyat.

"Perbuatan memperdagang bantuan subsidi secara haram dan bertentangan dengan undang-undang merupakan sabotaj ekonomi negara dan agenda kerajaan dalam penyaluran bantuan sosial kepada golongan memerlukan," katanya dalam kenyataan, Ahad.

Justeru, beliau berkata orang ramai perlu terus menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menyalurkan maklumat berhubung sebarang bentuk penyelewengan serta penyeludupan supaya aktiviti merugikan negara dan rakyat itu dapat dibanteras.

Sementara itu, Armizan berkata kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada penyaluran subsidi pukal diesel di peringkat runcit bagi Sabah, Sarawak dan Labuan bagi tahun ini melibatkan subsidi mencecah RM3.6 bilion.

Beliau berkata antara faktor utama pengecualian itu ialah kebergantungan tinggi para pengguna khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel disebabkan faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air.

Selain itu, pertimbangan risiko kesan rantaian mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia serta tahap kesediaan dan akses maklumat pengguna bahan api diesel untuk pemprofilan penyasaran subsidi diesel bagi pengguna individu, agri komoditi dan sektor pengangkutan awam dan barangan.

Bagaimanapun, Armizan berkata kerajaan tidak pernah menafikan isu ketirisan yang meliputi penyelewengan dan penyeludupan bahan api diesel juga berlaku di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Sehubungan itu, katanya kerajaan telah mengarahkan semua agensi berkaitan seperti KPDN, kastam, polis, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia untuk memperkasa strategi dan pendekatan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme penguatkuasaan. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 3



# Many are still unaware of Consumer Tribunal

**Mardinah Jikur**

SANDAKAN: Many people are still unaware of the existence the Consumer Tribunal Claims (TTPM) under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), especially in hearing cases related to consumer rights.

Consumer Tribunal President, Larina Wong Shiao Yee, said it was established under the Consumer Protection Act 1999 (Act 599) to hear and adjudicate claims filed by consumers and subject to the provisions of the act.

Among others, she said TTPM also provides an alternative channel other than the Civil Court for consumers to claim damages regarding the purchase of goods or services supplied from traders or service providers, in an easy, cheap and fast way.

"Consumers' claim for compensation for purchase of goods and services is allowed under the Tribunal's authority.




"The amount of the claim must not exceed RM50,000 and validity of time period for consumers to bring their claims (for losses or get refunds) is within three years," Larina said after hearing cases here.

As for filing consumers' claims, she said the claimant needs to fill in the Statement of Claim (Form 1) in four copies and pay RM5.00 as a filing fee.

She said Form 1 must be served to the Respondent by the Claimant.

"While the opposing party, (respondent) has to file a Statement of Defence and Counterclaim in Form 2 in four copies and pay RM5 as a filing fee.

"As for the hearing procedure, the tribunal will issue a Notice of Hearing (Form 4) stating the date, time and place of hearing the claim to the concerned parties at least 14 days before the hearing date.

"During the hearing, the claimants and respondents will not be represented by a lawyer," Larina said.

She said both have the right to submit evidence and documents or call witnesses to support their respective claims and defences.

After the hearing process, she the President will make an order and issue an Award (decision).

For more information about the tribunal or to find out more about consumer claims, call 088-484564 for further information.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 1

# Mass movement to plug leakage of controlled goods

**KINABATANGAN:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is activating a mass movement involving the public to combat the misappropriation of subsidised controlled goods in Sabah and Sarawak, especially diesel and RON95, to ensure that the targeted groups can enjoy the initiative.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said in a statement on Sunday that the movement was the result of the federal government's decision to implement targeted diesel subsidy for consumers across Peninsular Malaysia, with exceptions for Sabah, Sarawak and Labuan.

"This mass movement aims to bolster enforcement efforts in plugging the leakage of subsidies through monitoring and information dissemination. The misappropriation and smuggling of controlled goods are not only legal offences but also deny the people from enjoying their subsidy rights," he said after opening a Petronas petrol station in Bukit Garam, here on Sunday.

He said trading controlled goods is not only against the law but also sabotages the country's economy and undermines the government's efforts in distributing social assistance to those in need.

Meanwhile, Armizan said the exemption of Sabah, Sarawak, and Labuan in the implementation of the targeted subsidy involves an estimated subsidy amount of RM3.6 million for this year.

According to him, the key factor behind the federal government's decision to continue the subsidy in Sabah, Sarawak, and Labuan is the high dependency of its consumers on diesel-powered vehicles.

It is also due to the considerations of the potential ripple effects where the prices of goods and services are higher compared to those in Peninsular Malaysia, as well as the level of readiness and access to information among diesel users to implement subsidy profiling, he said.

"(However) the government does not deny that the issue of leakage caused by misappropriation and smuggling of diesel is also happening in Sabah, Sarawak and Labuan," he added.

» Turn to Page 2, Col 2

## All agencies to strengthen strategies

» From Page 1

Armizan said the government had directed all relevant agencies, including KPDN, Royal Malaysian Customs Department, Royal Malaysia Police, Road Transport Department, and border control agencies, to strengthen their enforcement strategies and approaches.

He also urged all parties, including the public, to report activities involving misappropriation and smuggling of subsidised controlled goods by lodging detailed and accurate complaints with the ministry.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 2



# 'Mass movement to plug leakage involving controlled goods in Sabah, Sarawak'

**KINABATANGAN:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is activating a mass movement involving the public to combat the misappropriation of subsidised controlled goods in Sabah and Sarawak, especially diesel and RON95, to ensure that the targeted groups can enjoy the initiative.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said that the movement was the result of the federal government's decision to implement targeted diesel subsidy for consumers across Peninsular Malaysia, with exceptions for Sabah, Sarawak and Labuan.

"This mass movement aims to bolster enforcement efforts in plugging the leakage of subsidies through monitoring and information dissemination.

"The misappropriation and smuggling of controlled goods are not only legal offences but also deny the people from enjoying their subsidy rights," he said after opening a Petronas petrol station in Bukit Garam here yesterday.

He said trading controlled goods is not only against the law but also sabotages the country's economy and undermines the government's efforts in distributing social assistance to those in need.

Meanwhile, Armizan said Sabah, Sarawak, and Labuan's exemption in the implementation of the targeted subsidy involves an estimated subsidy amount of RM3.6 million for this year.

According to him, the key factor behind the federal government's decision to continue the subsidy in Sabah, Sarawak and Labuan is the high dependency of its consumers on diesel-powered vehicles. It is also due to the considerations of the potential ripple effects where the prices of goods and services are higher compared to those in Peninsular Malaysia, as well as the level of readiness and access to information among diesel users to implement subsidy profiling, he said.

"(However) the government does not deny that the issue of leakage caused by misappropriation and smuggling of diesel is also happening in Sabah, Sarawak and Labuan," he added.

Armizan said the government had directed all relevant agencies, including KPDN, Customs Department, police, Road Transport Department, and border control agencies, to strengthen their enforcement strategies and approaches.

He also urged all parties, including the public, to report activities involving misappropriation and smuggling of subsidised controlled goods by lodging detailed and accurate complaints with the ministry. — Bernama



Armizan signs the plaque to officiate the new Petronas petrol station in Bukit Garam. — KPDN photo

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 29/7/2024

M/SURAT: 1

# KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak

KINABATANGAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa untuk melibatkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi khususnya diesel dan RON95 di Sabah dan Sarawak.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata gerakan itu bagi membantu penguatkuasaan dalam memerangi ketirisan subsidi melalui pemantauan dan penyaluran maklumat.

Beliau berkata gerakan itu dilaksanakan susulan keputusan Kerajaan Persekutuan melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung Malaysia dengan pengecualian Sabah, Sarawak dan Labuan pada masa ini dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi bukan sahaja satu kesalahan di sisi undang-undang, malah penafian hak subsidi rakyat.

"Perbuatan memperdagang bantuan subsidi secara haram dan bertentangan dengan undang-undang merupakan sabotaj ekonomi negara dan agenda kerajaan dalam penyaluran bantuan sosial kepada golongan memerlukan," katanya dalam kenyataan semalam.




STESEN: Armizan (tengah) bersama wakil penganjur pada majlis Perasmian Stesen PETRONAS Bukit Garam, Kinabatangan.

Justeru, beliau berkata orang ramai perlu terus menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menyalurkan maklumat berhubung sebarang bentuk penyelewengan serta penyeludupan supaya aktiviti merugikan negara dan rakyat itu dapat dibanteras.

Sementara itu, Armizan berkata kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada penyaluran subsidi pukal diesel di peringkat runcit bagi Sabah, Sarawak dan Labuan bagi tahun ini melibatkan subsidi mencecah RM3.6 bilion.

Beliau berkata antara faktor utama pengecualian itu ialah kebergantungan tinggi para pengguna khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel disebabkan faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air.

◆ Bersambung

KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak

▸ Dari Muka 1

Selain itu, pertimbangan risiko kesan rantaian mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia serta tahap kesediaan dan akses maklumat pengguna bahan api diesel untuk pengesahan penyasaran subsidi diesel bagi pengguna individu, agri komoditi dan sektor pengangkutan awam dan barangan.

Bagaimanapun, Armizan berkata kerajaan tidak pernah menafikan isu ketirisan yang meliputi penyelewengan dan penyeludupan bahan api diesel juga berlaku di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Sehubungan itu, katanya kerajaan telah menggerakkan semua agensi berkaitan seperti KPDN, kastam, polis, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia untuk memperkasa strategi dan pendekatan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme penguatkuasaan. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 1

# KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak



ARMIZAN

**KINABATANGAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka satu gerakan massa untuk melibatkan orang ramai dalam memerangi penyelewengan barang kawalan bersubsidi khususnya diesel dan RON95 di Sabah dan Sarawak.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata gerakan itu bagi membantu penguatkuasaan dalam memerangi ketirisan subsidi melalui pemantauan dan penyaluran maklumat.

Beliau berkata gerakan itu dilaksanakan susulan keputusan kerajaan persekutuan melaksanakan penyasaran subsidi diesel secara berperingkat bermula dengan Semenanjung Malaysia dengan pengecualian Sabah, Sarawak dan Labuan pada masa ini dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi bukan sahaja satu kesalahan di sisi undang-undang, malah penafian hak subsidi rakyat.

"Perbuatan memperdagang bantuan subsidi secara haram dan bertentangan dengan undang-undang merupakan sabotaj ekonomi negara dan agenda kerajaan dalam penyaluran bantuan sosial kepada golongan memerlukan," katanya dalam kenyataan semalam.

Justeru, beliau berkata orang ramai perlu terus menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menyalurkan maklumat berhubung sebarang bentuk penyelewengan serta penyeludupan supaya aktiviti merugikan negara dan rakyat itu dapat dibanteras.

Sementara itu, Armizan berkata kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada penyaluran subsidi pukal diesel di peringkat runcit bagi Sabah, Sarawak dan Labuan bagi tahun ini melibatkan subsidi mencecah RM3.6 bilion.

Beliau berkata antara faktor utama pengecualian itu ialah kebergantungan tinggi para pengguna khususnya di Sabah dan Sarawak kepada penggunaan kenderaan bahan api diesel disebabkan faktor geografi dan taraf jalan perhubungan darat dan air.

Selain itu, pertimbangan risiko kesan rantaian mengambil kira kadar harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia serta tahap kesediaan dan akses maklumat pengguna bahan api diesel untuk pemprofilan penyasaran subsidi diesel bagi pengguna individu, agri komoditi dan sektor pengangkutan awam dan barangan.

Bagaimanapun, Armizan berkata kerajaan tidak pernah menafikan isu ketirisan yang meliputi penyelewengan dan penyeludupan bahan api diesel juga berlaku di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Sehubungan itu, katanya kerajaan telah mengarahkan semua agensi berkaitan seperti KPDN, kastam, polis, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia untuk memperkasa strategi dan pendekatan bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme penguatkuasaan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 内貿部邀沙砂民充耳目
# 舉報走私柴油RON95

（京那巴当岸28日讯）国内贸易及生活费部正在沙巴和砂拉越发起一项大规模群众运动，号召人们参与打击柴油等政府津贴商品的滥用和走私行为。

内贸部长拿督阿米占表示，此举是要确保政府津贴能够真正惠及目标人群。

### 各地油站成“行动中心”

“这项行动是基于联邦政府逐步在大马半岛实施针对性柴油补贴措施的决定。

“考虑到多个因素，目前沙巴、砂拉越及联邦直辖区纳闽暂时被排除在针对性柴油补贴之外。”

阿米占今日为设于武吉加南的国油油站主持开幕时说，多家石油公司是这项群众运动的策略伙伴，即各地油站将成为“行动中心”。

他说，政府决定继续在沙砂阆地区采用现行的批量柴油补贴方法，主要原因包括：

1. 沙砂居民高度依赖柴油燃料，考虑到地理和道路交通条件。

2. 这些地区的物价和服务价格本来就高于半岛，实施新补贴方法可能引发连锁反应。

3. 沙砂阆地区居民对于柴油用户的针对性补贴的信息获取和准备情况尚不足。

他表示，预计今年沙砂阆地区的柴油补贴金额将达到36亿令吉。

他说，政府不曾否认沙砂阆地区存在柴油遭滥用和走私问题。

“政府已指示相关执法机构，包括内贸部、关税局、警方、陆路交通局以及内政部大马检查站和边境机构（MCBA），加强策略和措施，提高执法效率。

“内贸部本身正在策划一项大规模民众运动，以便通过监控和信息传递，协助打击津贴品滥用和走私行为。”

阿米占强调，津贴品黑市交易不仅违法，更是剥夺了人民的补贴权益，被视为对国家经济和政府社会援助计划的破坏。

“内贸部呼吁各界人士踊跃充当政府的耳目，举报任何形式的滥用和走私行为。

他说，内贸部承诺将对每一条举报迅速采取行动。

公众可以通过以下渠道举报相关违法活动：

◎WhatsApp: 019-848 8000

◎内贸部电子投诉：http://eaduan.kpdn.gov.my

◎呼叫中心：1-800-886-800

◎智能手机应用程式：Ez ADU KPDN

中國報
CHINA PRESS

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 3

## 貿易部辦群衆運動找耳目

# 助打擊濫用補貼汽油

（吉隆坡28日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占莫哈末阿里指出，该部在策划一项群众运动，让公众参与打击滥用补贴统制品行为，尤其是沙巴及砂拉越的柴油和RON95汽油。

他说，这项运动旨在通过监控和信息传递，以协助执法打击补貼纰漏。

"此举是基于中央政府考虑各种因素后，决定分阶段在半岛开始实施针对性柴油补貼，暂不包括沙巴、砂拉越和纳闽。

"滥用和走私统制品不仅违法，也剥夺人民获补貼权利。

"非法和违法地交易补貼援助，对国家经济和为需要群体提供社会援助议程的破坏。"

阿米占在文告中说，人民必须继续成为政府的耳目，通报任何形式的滥用和走私行为，以消除这些损害国家和人民的活动。

他也提到，政府已决定今年继续在沙巴、砂拉越和纳闽采用现有的柴油零售补貼方式，涉及补貼金额达36亿令吉。

"这是因为地理和陆地及水路条件，使到沙巴和砂拉越用户高度依赖柴油燃料车辆。"

他也说，在考虑连锁效应风险时，也考虑到沙巴、砂拉越和纳闽的商品与服务价格高于半岛，以及柴油用户的准备和获取信息情况，以便对个人用户、农产品、公共交通和商品业进行目标式柴油补貼分析。

"政府不曾否认沙巴、砂拉越及纳闽也存有柴油滥用及纰漏问题。

"政府已指示所有机构如内贸部、关税局、警方、陆路交通局和大马边境保护及管制局加强策略和措施，提高执法机制效率。"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

தமிழ் மலர்

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 2

# 1,635 டன் சமையல் எண்ணெய்யை உள்நாட்டு வாணிப வாழ்க்கைச் செலவின அமைச்சு பறிமுதல் செய்தது!

(நமது நிருபர்)

ஜொகூர்பாரு, ஜூலை 29– கூலாயில் ஒரு சமையல் எண்ணெய் பொட்டலம் கட்டும் நிறுவனத்தில் கடந்த புதன்கிழமை மேற்கொண்ட சோதனை நடவடிக்கையில் 1,635.3 கிலோ எடை கொண்ட பல்வேறு வகையான சமையல் எண்ணெயை ஜொகூர் மாநில உள்நாட்டு வாணிப வாழ்க்கைச் செலவின அமைச்சு பறிமுதல் செய்தது.

இது அத்தலத்தில் ஆவண தணிக்கை முடிவுகள், சமையல் எண்ணெய்க் கையிருப்புகள் மோசடி மற்றும் சூழ்ச்சி செய்யப்படுவதாக எழுந்த சந்தேகத்தில் மேற்கொள்ளப்பட்ட சோதனை நடவடிக்கையாகும் என்று அமைச்சின் ஜொகூர் மாநில இயக்குநர் லிலிஸ் சஸ்லிண்டா பொர்ஹொமொ தெரிவித்தார்.

மொத்த விற்பனை திட்டமிடப்பட்ட கட்டுப்பாட்டு பொருட்கள் உரிமத்தின்



கீழ் அங்கீகரிக்கப்பட்ட எண்ணிக்கையிலான சமையல் எண்ணெயைக் காட்டிலும் அதிகமாக வைக்கப் பட்டிருந்ததைத் தொடர்ந்து இப்பறிமுதல் நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப்பட்டது.

இந்நிறுவனத்தின் சமையல் எண்ணெய் விற்பனை பரிவர்த்தனை [illegible] அமைச்சின் புத்ராஜெயா தலைமையகத்தின் அமலாக்க அதிகாரிகள் சோதனையிட்ட போது இவ்விவகாரம் அம்பலமானது.

தகவல் கிடைத்துக் கையிருப்பு அறிவிப்பைச் சமர்ப்பிக்க கூலாய் சுற்றுப் பகுதியிலுள்ள ஒரு நிறுவனத்தில் இரவு 8.15 மணிக்கு 1961 கையிருப்புக் கட்டுப்பாட்டுச் சட்டம், 8ஆவது பிரிவின் கீழ் அமைச்சு சோதனை மேற்கொண்டது.

அதில் மொத்த விற்பனை திட்டமிடப்பட்ட கட்டுப்பாட்டு பொருட்கள் உரிமத்தின் கீழ் அங்கீகரிக்கப்பட்ட சமையல் எண்ணெய் அளவைக் காட்டிலும் அதிகமாய் இருந்தது கண்டுபிடிக்கப்பட்டது.

இதனைத் தொடர்ந்து வெ.8,470,000 மதிப்புள்ள 1,635.3 டன் எடை கொண்ட பல்வேறு வகையான சமையல் எண்ணெய் மற்றும் வர்த்தக ஆவணங்களை மேல் விசாரணைக்காக அமைச்சு பறிமுதல் செய்ததாக ஓர் அறிக்கையில் லிலிஸ் சஸ்லிண்டா பொர்ஹொமொ குறிப்பிட்டார்.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN
TARIKH: 29/7/2024
M/SURAT: 16

PINDAAN AKTA AUDIT 1957 (AKTA 62)

# Kuasa luas buat pengauditan

Kuala Lumpur

Pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) yang diluluskan Dewan Negara pada Rabu lepas membuka lembaran baharu pelaksanaan pengauditan apabila ia memberi kuasa lebih luas kepada Ketua Audit Negara dalam memastikan kecekapan pengurusan wang awam.

Pindaan selepas kali terakhir dibuat pada 33 tahun lalu itu diyakini akan memberi impak positif terutama penggunaan metodologi pengauditan yang lebih terkini dan dinamik sesuai dengan keperluan semasa dalam era digital.

Presiden Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIA Malaysia) Mohd Khaidzir Shahari berkata pindaan ini membolehkan Ketua Audit Negara mengeluarkan garis panduan untuk memastikan audit dalaman dapat memberi nilai tambah dan memberikan khidmat nasihat kepada pihak yang diaudit.

"Penambahan kuasa kepada Jabatan Audit untuk melaksanakan audit susulan selaras dengan standard audit dalaman global dengan audit susulan harus dilaksanakan dan status sama ada pihak diaudit sudah mengambil langkah-langkah diperlukan.

"Dengan perluasan skop dan kuasa Jabatan Audit, saya yakin ia akan membawa jabatan itu ke tahap yang lebih sofistikated dengan menggunakan teknik dan kaedah pengauditan terkini termasuk penggunaan kecerdasan buatan dan data analitik," katanya.

Mohd Khaidzir berkata melalui pindaan ini juga Jabatan Audit boleh melaksanakan pengauditan terhadap syarikat yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sekiranya syarikat berkenaan menerima sebarang kewangan atau mendapat jaminan daripada kerajaan.

Beliau berkata kuasa yang diberikan ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan ke arah memastikan tadbir urus koporat telah dijalankan dengan baik oleh lembaga pengarah dan pengurusan syarikat yang menerima wang awam atau diberikan jaminan oleh kerajaan.

"Ini bermakna, lembaga pengarah dan pengurusan syarikat berkenaan perlu melaksanakan tadbir urus korporat dan tatakelola yang lebih baik dan efektif kerana bukan sahaja mereka tertakluk kepada audit luar yang diwajibkan oleh Akta Syarikat, malah mereka boleh diaudit oleh Jabatan Audit merangkumi audit prestasi dan audit pematuhan," katanya.

Sementara itu, Gabenor IIA Malaysia merangkap Ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Institut Juruaudit Dalaman Global (IIA Global) Philip Rao dalam kenyataan berkata di arena global, salah satu objektif IIA adalah untuk menyokong usaha advokasi berkaitan tadbir urus dan akauntabiliti sektor awam.

"Dalam konteks ini, pindaan akta ini bertepatan waktunya dan mencerminkan langkah positif Malaysia ke hadapan dalam hal ini. IIA Malaysia kekal komited dalam menyokong inisiatif Pejabat Ketua Audit Negara serta badan tadbir urus yang lain dalam penambahbaikan ketelusan dan akauntabiliti di Malaysia.

"IIA Malaysia percaya bahawa pindaan ini akan membuka jalan kepada rangka kerja tadbir urus yang lebih teguh dan utuh yang memanfaatkan semua rakyat Malaysia," katanya.



**"Dengan perluasan skop dan kuasa Jabatan Audit, saya yakin ia akan membawa jabatan itu ke tahap yang lebih sofistikated"**

*Mohd Khaidzir*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 29 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 29-Jul | Ada banyak aktiviti, rugi kalau datang hanya sehari | https://www.sinarharian.com.my/article/676930/berita/nasional/ada-banyak-aktiviti-rugi-kalau-datang-hanya-sehari#google_vignette | SINAER HARIAN |
| 29-Jul | KPDN rampas lebih 600 jersi tiruan | https://www.sinarharian.com.my/article/676962/edisi/perak/kpdn-rampas-lebih-600-jersi-tiruan | SINAER HARIAN |
| 29-Jul | Perak KPDN seizes counterfeit jerseys worth RM15,389 | https://thesun.my/local-news/perak-kpdn-seizes-counterfeit-jerseys-worth-rm15389-CD12776631 | THE SUN |
| 29-Jul | KPDN Perak sita pakaian tiruan bernilai lebih RM15,000 | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2322058 | BERNAMA |
| 29-Jul | Premis jual jersi berjenama tiruan diserbu | https://www.kosmo.com.my/2024/07/26/premis-jual-jersi-berjenama-tiruan-diserbu/ | KOSMO |
| 29-Jul | KPDN seizes hoarded staples in Bayan Lepas | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/26/kpdn-seizes-hoarded-staples-in-bayan-lepas | THE STAR |
| 29-Jul | Angkasa to take charge of cooperative development drive with allocations exceeding RM5.5m, says PM Anwar | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/07/26/angkasa-to-take-charge-of-cooperative-development-drive-with-allocations-exceeding-rm55m-says-pm-anwar/145040 | MALAY MAIL |
| 29-Jul | Kerajaan umum RM6 juta peruntukan tambahan untuk bangunkan koperasi | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-umum-rm6-juta-peruntukan-tambahan-untuk-bangunkan-koperasi-480726 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 29-Jul | Tingkat kekuatan koperasi, PM umum dana RM6 juta kepada Angkasa | https://selangorkini.my/2024/07/tingkat-kekuatan-koperasi-pm-umum-dana-rm6-juta-kepada-angkasa/ | SELANGOR KINI |
| 29-Jul | Peruntukan RM6 juta untuk Angkasa tingkat kekuatan koperasi | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/26/peruntukan-rm6-juta-untuk-angkasa-tingkat-kekuatan-koperasi | UTUSAN BORNEO |
| 29-Jul | RM6 million for Angkasa to strengthen cooperative movement - PM Anwar | https://thesun.my/local-news/rm6-million-for-angkasa-to-strengthen-cooperative-movement-pm-anwar-BD12777170 | THE SUN |
| 29-Jul | RM6 million for Angkasa to strengthen cooperative movement — Anwar | https://theedgemalaysia.com/node/720540 | THE EDGE MALAYSIA |
| 29-Jul | Peruntukan RM6 juta untuk Angkasa tingkat kekuatan koperasi - Anwar | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2322103 | BERNAMA |
| 29-Jul | Keris Tok Chu, Sampir Kuseriwa diisytihar warisan Kelantan | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2024/07/1276384/keris-tok-chu-sampir-kuseriwa-diisytihar-warisan-kelantan | BERITA HARIAN |
| 29-Jul | KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan subsidi bahan api – Armizan | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/kpdn-rangka-gerakan-massa-banteras-ketirisan-subsidi-bahan-api-armizan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 29-Jul | KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak | https://www.sabahgazette.com/kpdn-rangka-gerakan-massa-banteras-ketirisan-barang-kawalan-di-sabah-sarawak/ | SABAH GAZETTE |
| 29-Jul | KPDN rangka gerakan massa banteras ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rangka-gerakan-massa-banteras-ketirisan-barang-kawalan-di-sabah-sarawak-480987 | ASTRO AWANI |
| 29-Jul | KPDN rangka gerakan massa memerangi penyelewengan barang subsidi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-rangka-gerakan-massa-memerangi-penyelewengan-barang-subsidi | BERITA RTM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 29-Jul | Mass movement to plug leakage involving controlled goods in Sabah, Sarawak: Armizan | https://www.dailyexpress.com.my/news/238894/mass-movement-to-plug-leakage-involving-controlled-goods-in-sabah-sarawak-armizan/ | DAILY EXPRESS |
| 29-Jul | Kebergantungan diesel di Sabah, Sarawak tinggi punca harga kekal -Armizan | https://www.kosmo.com.my/2024/07/28/kebergantungan-diesel-di-sabah-sarawak-tinggi-punca-harga-kekal-armizan/ | KOSMO |
| 29-Jul | Armizan announces public effort to plug leakages involving controlled goods in Sabah, Sarawak | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/07/28/armizan-announces-public-effort-to-plug-leakages-involving-controlled-goods-in-sabah-sarawak/145241 | MALAY MAIL |
| 29-Jul | Mass movement to plug leakage involving controlled goods in Sabah, Sarawak | https://www.theborneopost.com/2024/07/28/mass-movement-to-plug-leakage-involving-controlled-goods-in-sabah-sarawak/ | THE BORNEO POST |
| 29-Jul | Derma NGO: Perlu ada akta khas kawal selia sumbangan awam – Fuziah Salleh | https://www.buletintv3.my/nasional/video-derma-ngo-perlu-ada-akta-khas-kawal-selia-sumbangan-awam-fuziah-salleh/ | BULETIN TV3 |
| 29-Jul | KPDN N.Sembilan rekod rampasan diesel bernilai RM1.67 juta setakat Jun | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-nsembilan-rekod-rampasan-diesel-bernilai-rm167-juta-setakat-jun-481000 | ASTRO AWANI |
| 29-Jul | Op Tiris catat nilai rampasan RM1.67 juta di Negeri Sembilan | https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/op-tiris-catat-nilai-rampasan-rm1-67-juta-di-negeri-sembilan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 29-Jul | KPDN Negeri Sembilan rampas diesel bersubsidi diseleweng bernilai RM1.6 juta | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1277472/kpdn-negeri-sembilan-rampas-diesel-bersubsidi-diseleweng-bernilai | BERITA HARIAN |
| 29-Jul | RM1.67m worth of misappropriated diesel seized in Negeri Sembilan as of June | https://thesun.my/local-news/rm167m-worth-of-misappropriated-diesel-seized-in-negeri-sembilan-as-of-june-CM12786602 | THE SUN |
| 29-Jul | KPDN N.Sembilan Rekod Rampsan Diesel Berniali RM1.67 Juta Setakat Jun | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2322886 | BERNAMA |
| 29-Jul | Dua warga asing ditahan guna kenderaan tempatan seludup petrol | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-warga-asing-ditahan-guna-kenderaan-tempatan-seludup-petrol-481015 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT